

Bahagian Operasi Penyiaran, Tingkat 2 (Aras Atas), Pusat Penyiaran
Antarabangsa IBC, Angkasapuri, 50614 Kuala Lumpur
Tel: 03-2282 1818 Email: kelabsukanrtm@gmail.com

Rujukan Kami : KSRRTMA/SKP-2022/BIL.SRT: 16
Tarikh : 13hb September 2022

Y.BHG DATO' ABDUL LATIF BIN ABU SEMAN

Ketua Pengarah

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya, Selangor.



Yang Berbahagia Dato',

**PROGRAM "SALAM KASIH PERSAUDARAAN" DI KAMPUNG ORANG ASLI KG. SANTEH,
POS LEGAP, SUNGAI SIPUT, PERAK**

Atas rasa rendah dirinya kami dengan sukacita merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. **Kelab Sukan dan Rekreasi RTM Angkasapuri (KSRRTMA)** telah merancang untuk menganjurkan aktiviti sukarelawan iaitu '**Salam Kasih Persaudaraan**' di Perkampungan Orang Asli suku kaum Temiar iaitu Kampung Orang Asli Kg. Santeh, Pos Legap, Sungai Siput, Perak. Program ini diadakan sebagai serampang dua mata bagi membantu golongan yang memerlukan dan juga memberi bimbingan serta pendedahan mengenai Islam kepada masyarakat Orang Asli.

3. Untuk makluman, program ini merupakan kesinambungan aktiviti dakwah dan sukarelawan KSRRTMA di perkampungan Orang Asli yang mana pada pertengahan 2017, kami telah mengadakan program sempena bulan Ramadan di Perkampungan Orang Asli Kuala Boh, Cameron Highland, Pahang Darul Makmur manakala pada tahun 2019, KSRRTMA bersama beberapa orang sukarelawan menyantuni penduduk Kampung Orang Asli Pos Buntu, Sungai Kelang, Raub Pahang sempena bulan Kemerdekaan.

4. Ini merupakan sebahagian daripada usaha KSRRTMA dalam merangka pelbagai program serta aktiviti jangka pendek dan jangka panjang untuk menjadikannya sebagai sebuah organisasi yang bermotifkan sukarelawan yang mampu bergerak dan turut serta dalam memantapkan pembentukan warga kerja yang sihat, cergas dan produktif.

5. Majlis pelepasan program '**Salam Kasih Persaudaraan**' ini dijangka akan diadakan pada **19hb November 2022** bertempat di **Radio Televisyen Malaysia, Angkasapuri, Kuala Lumpur** yang melibatkan 30 sukarelawan KSRRTMA dan kakitangan Radio Asyik FM.


6. Jumlah penduduk di kampung tersebut adalah seramai 407 orang yang mana 207 beragama Islam manakala 200 tidak mempunyai agama atau Ateis. Sebahagian daripada penduduk Kampung Santeh merupakan penduduk asal Kampung Pendek yang rata-ratanya mengambil upah kerja ladang kelapa sawit, getah dan mencari hasil hutan.

7. Penyampaian bantuan akan diberikan kepada golongan Orang Asli yang telah dikenalpasti oleh KSRRTMA bagi meringankan beban mereka. Selain itu, terdapat beberapa program antaranya ceramah agama, solat berjemaah dan sukan rakyat.

8. Oleh itu kami ingin memohon kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada daripada agensi-agensi kerajaan mahupun swasta agar dapat menghulurkan sumbangan atau tajaan sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap program kami ini. Setiap sumbangan tersebut hendaklah menggunakan cek berpalang di atas nama **"KEMBARA AMAL DAN KEBAJIKAN-RTM"**

9. Jutaan terima kasih kami di KSRRTMA terhadap sumbangan tanda sokongan semua pihak bagi menjayakan program kali ini. Sama-samalah kita berdoa agar program anjuran kami ini berjaya direalisasikan demi kelangsungan kebajikan masyarakat orang asli.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, loopy 'P' followed by a series of loops and a final upward stroke.

PUTRI JOLIANA BINTI YAACOB

Presiden Kelab Sukan & Rekreasi RTM, Angkasapuri

Merangkap Timbalan Ketua Pengarah

Operasi dan Penyiaran RTM.